

# Orang yang salah tetap dihukum

BH 09 JAN 2000

21

**KUALA LUMPUR:** Mereka yang bersalah, termasuk anggota polis akan tetap dikenakan hukuman kerana tiada sesiapa pun terlindung daripada undang-undang.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata walaupun polis atau pun tentera bertanggungjawab melindungi undang-undang, ini tidak bermakna mereka boleh berbuat sesuka hati dan kebal daripada sebarang hukuman.

"Sehubungan itu, jika mereka bersalah, apa lagi dalam perbuatan jenayah, mereka tetap akan dihukum seperti orang lain. Ini kerana, yang didapati bersalah akan tetap bersalah dan perlu menerima hukuman yang setimpal," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita dalam majlis rumah terbuka beliau dan keluarga di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, semalam.

Lebih 20,000 orang, termasuk anggota Kabinet, pihak pembangkang dan golongan usahawan mengunjungi rumah terbuka berkenaan. Selain itu, dua imam dari Makkah yang bertugas di Masjid Kampung Baru sepanjang Ramadan lalu, Sheikh Abdul Hamid Al-Hamadawi dan Sheikh Mohd Idris turut

menghadiri rumah terbuka berkenaan. Mereka dijangka pulang pada 17 Januari ini.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri, mengulas laporan sebuah akhbar Inggeris berhubung penangkapan empat anggota polis, termasuk seorang berpangkat Asisten Superitendan yang dipercayai terbabit dengan beberapa rompakan di Lembah Klang.

Semua anggota polis berkenaan adalah sebahagian daripada kumpulan lima orang yang menumpukan kegiatan terhadap pusat permainan haram, perjudian dan premis video. Mereka ditahan polis Gombak berikutan kes rompakan RM15,000 di sebuah pusat permainan haram di Selayang, Sabtu lalu.

Kes lain pula membatikan penahanan seorang anggota polis berpangkat lans koperal dari Cawangan Pengawal Pengiring Ibu Pejabat Kontinjen Kuala Lumpur berhubung penemuan mayat penyanyi Kumpulan Spoon, Sabi'ul Malik Shafiee di sebuah gaung di Kilometer 44.8, Jalan Kelawang, Jelebu Negeri Sembilan, Khamis lalu.

Ditanya sama ada laporan berhubung kes berkenaan diserahkan kepada-

nya, Abdullah berkata tindakan sedemikian tidak perlu kerana ia tidak memabitkan soal dasar.

"Sebaliknya ia terhadap kepada peringkat pentadbiran mereka (polis) sendiri dan tidak perlulah laporan itu dihantar kepada saya," katanya.

Selain itu, Abdullah turut melahirkan rasa bangganya melihat banyak rakyat berbilang kaum di negara ini turut meraikan Aidilfitri dengan meriahnya dan mengunjungi handai taulan di seluruh negara.

"Ramai yang berkunjung ke kediaman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Sri Perdana dan ribuan turut bertumpu di sini (PWTC). Ini membuktikan Aidilfitri itu sendiri bukan untuk umat Islam semata-mata, sebaliknya turut diraikan semua kaum di Malaysia tanpa sebarang rasa prejudis atau perbezaan.

"Saya berasa bangga kerana ia bukan saja menjadi keunikan tersendiri Malaysia, malah keadaan ini tidak mungkin ditemui di negara lain," katanya.

Menurut Abdullah, kehadiran Syawal tahun ini turut bertepatan dengan suasana perayaan Tahun Baru dan kemasukan negara ke alaf baru.